

**Rosakkan sistem pilihan raya  
Utusan Online  
11 Mei, 2012  
Oleh SAIFULIZAM MOHAMAD**

KUALA LUMPUR 10 Mei - Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) hari ini merumuskan bahawa perhimpunan haram Bersih 3.0 yang diadakan pada 28 April lalu iaitu rentetan daripada Bersih 1.0 serta Bersih 2.0 hanyalah untuk merosakkan sistem pilihan raya di negara ini, bukannya menuntut satu sistem pilihan raya adil dan bersih.

Timbalan Pengerusinya, Datuk Wan Ahmad Wan Omar berkata, selain itu Datuk S. Ambiga yang menjadi pengerusi kepada penganjuran perhimpunan haram itu merupakan seorang yang tidak ikhlas, tidak jujur, retorik dan penuh dengan permainan politik.

Beliau berkata, sekiranya Ambiga dan Bersih ikhlas sudah pasti bekas Presiden Majlis Peguam itu tidak akan meminta penyokong-penyokongnya turun ke Dataran Merdeka sehari selepas Jawatankuasa Khas Parlimen (PSC) Berhubung Dengan Penambahbaikan Proses Pilihan Raya membentangkan laporannya di Dewan Rakyat, 2 April lalu.

"PSC membentangkan laporannya pada 2 April dan keesokannya (3 April) Bersih membuat sidang akhbar untuk mengumumkan penganjuran perhimpunan Bersih 3.0. Adakah tindakan mereka ini kepada SPR?."

"Mereka langsung tidak memberi peluang kepada SPR meneliti dan kemudian melaksanakan 22 cadangan yang telah dikemukakan walaupun PSC yang turut dianggotai tiga wakil pihak pembangkang bersetuju memberi kami tempoh (antara 45 hari ke tiga bulan)," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menyampaikan syarahan tengah hari yang bertajuk 'Bersih 3.0: Mahu apa lagi' di sini, hari ini.

Program tersebut telah dianjurkan oleh Jabatan Hal Ehwal Khas (Jasa) dan Institut Perkembangan Minda (Inmind). Turut hadir Pengerusi Inmind, Datuk Salomon Selamat.

Wan Ahmad berkata, selama ini SPR sedaya upaya memenuhi setiap tuntutan mereka antaranya bersetuju menggunakan dakwat kekal selain berusaha membersihkan daftar pemilih secara berterusan, namun ia langsung tidak dihargai oleh Ambiga, pihak Bersih termasuk pihak pembangkang.

Sebaliknya beliau berkata, mereka terus menganjurkan demonstrasi jalanan melalui perhimpunan haram Bersih 3.0 dan tujuannya adalah untuk menanam kebencian kepada SPR melalui persepsi-persepsi negatif yang dibawa oleh kumpulan tersebut.

"Inilah tujuan sebenarnya mereka. Mereka mahu rakyat benci SPR. Mereka mahu kebencian itu kemudiannya diterjemahkan dalam bentuk kertas undi. Mereka mahu menjadikan SPR sebagai kambing hitam.

"Mereka sengaja mewujudkan keadaan sedemikian supaya rakyat menyalahkan SPR sekiranya mereka kalah pada pilihan raya umum akan datang," katanya lagi.

Dalam perkembangan berkaitan Wan Ahmad menegaskan, sejak SPR diberi tanggungjawab menguruskan pilihan raya, badan itu telah bertindak bebas dan adil seperti mana yang dikehendaki oleh Perlembagaan serta Majlis Raja-Raja.

"Atas prinsip ini mana-mana parti yang menang akan diiktiraf kemenangan mereka. Tidakkah pihak pembangkang sedar melalui sistem sedia ada, daftar pemilih sedia ada serta undang-undang pilihan raya sedia ada, 82 kerusi Parlimen telah dimenangi oleh mereka pada Pilihan Raya Umum Ke 12 lalu.

"Ini pun masih belum dikatakan tidak adil lagi?" ujar Wan Ahmad.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source:

[http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012&dt=0511&pub=Utusan\\_Malaysia&sec=Politik&pg=po\\_01.htm](http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012&dt=0511&pub=Utusan_Malaysia&sec=Politik&pg=po_01.htm)